

TERKINI · UTAMA & SENSASI

By [Mohd Arshad](#) · 23/09/2022 · 0 · 65

Jumlah Orang Kurang Upaya (OKU) direkodkan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setakat 31 Oktober tahun lalu masih rendah iaitu seramai 583,427 orang,

Ikuti Mynewshub: Telegram

Jumlah sebenar dianggarkan lebih ramai, malah anggaran Pertubuhan Kesihatan Dunia sekurang-kurangnya 15 peratus populasi sesebuah negara terdiri daripada golongan OKU.

Keadaan ini sebenarnya merupakan suatu kerugian buat golongan OKU kerana pelbagai bantuan dan keistimewaan disediakan oleh kerajaan buat mereka.

Malah bukan sahaja kepada mereka, juga kepada ibu bapa atau penjaga mereka.

Sebagai contoh, kerajaan memberi insentif pengecualian cukai LKM bagi OKU tertakluk kepada mana-mana kenderaan yang diubahsuai khas untuk kegunaan OKU.

Pengecualian cukai jalan itu juga boleh dimohon oleh golongan ibu bapa yang mempunyai anak OKU yang berdaftar dengan JKM bagi kenderaan mereka.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) juga tidak ketinggalan sejak dulu memberi pelepasan cukai buat golongan OKU sehingga RM6,000.

Ibu bapa yang menjaga anak OKU belum berkahwin, berumur 18 tahun ke atas dan syarat-syarat di bawah dipenuhi diberi tambahan pelepasan RM8,000 ke atas seorang anak:

- 1) Pengajian tinggi sepenuh masa dilikuti (diploma, ijazah, sarjana muda) di kolej, universiti atau institut pelajaran lain yang**
- 2) Kursus sepenuh masa di luar Malaysia di peringkat ijazah dilikuti (termasuklah di peringkat sarjana atau kedoktoran)**
- 3) Kursus dan institusi pengajian tinggi diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan**
- 4) Berkhidmat di bawah satu ikatan artikel atau indentur untuk memperoleh kelayakan perdagangan atau profesion di Malaysia.**

HASIL turut membeli pelepasan cukai kepada mereka yang membeli alat bantuan di farmasi sehingga RM6,000 untuk kegunaan seperti berikut:

- (i) diri sendiri, jika dia kurang upaya; atau**
- (ii) pasangannya, jika pasangan kurang upaya; atau**
- (iii) anak, jika anak kurang**
- (iv) ibu bapa, jika ibu bapa kurang upaya.**

Bagaimanapun segala pelepasan cukai ini tidak dibenarkan oleh mana-mana pembayar cukai jika peralatan sokongan asas dibeli

untuk OKU yang tidak berdaftar dengan JKM.

Jadi bukankah itu bermakna suatu kerugian. Itu belum termasuk pelbagai bantuan termasuk wang tunai bulanan oleh kerajaan kepada golongan OKU.

Maka usahlah berasa segan mendaftarkan diri atau anak sebagai OKU jika mereka benar-benar mengalami kekurangan kerana setiap kekurangan tentu ada hikmahnya.

-Mynewshub